



**INSTITUT KANSER NEGARA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**DOKUMEN SEBUTHARGA**

- TAJUK** : PERKHIDMATAN LINEN DAN PENDOBIAN  
SELAMA EMPAT (4) BULAN BERMULA  
16 MAC 2014 SEHINGGA 15 JULAI 2014  
DI INSTITUT KANSER NEGARA (IKN)  
PUTRAJAYA
- NOMBOR TAWARAN** : IKN/SH/4/2014
- TARIKH TAWARAN DIBUKA** : 25 FEBRUARI 2014 (SELASA)
- TARIKH / MASA / TEMPAT  
TAKLIMAT  
(KEHADIRAN ADALAH WAJID)** : 27 FEBRUARI 2014 (KHAMIS)  
JAM 2.30 PETANG  
BILIK MESYUARAT UTAMA  
JABATAN PENGURUSAN  
ARAS 6, INSTITUT KANSER NEGARA  
NO.4, JALAN P7, PRESINT 7  
62250 PUTRAJAYA
- TARIKH & MASA  
TAWARAN DITUTUP** : 6 MAC 2014 (KHAMIS)  
JAM 12.00 TENGAH HARI
- KOD BIDANG PENDAFTARAN** : 222302

**NO. SEBUTHARGA : IKN/SH/4/2014**

**PERKHIDMATAN LINEN DAN PENDOBIAN SELAMA EMPAT(4) BULAN  
BERMULA 16 MAC 2014 SEHINGGA 15 JULAI 2014 DI INSTITUT KANSER  
NEGARA (IKN) PUTRAJAYA**

---

**KANDUNGAN**

- I. SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA
- II. KENYATAAN SEBUTHARGA
- III. ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA
- IV. CADANGAN TEKNIKAL
- V. CADANGAN KEWANGAN

*\* Penyebutharga adalah diingatkan supaya melindungi dokumen ini sepertimana yang termaktub di bawah Akta Rasmi 1972.*

## **I. SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA**

## **SYARAT-SYARAT AM**

### **1. KEADAAN BARANG**

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

### **2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan. Tawaran harga juga hendaklah mengambil kira fi perkhidmatan bagi perolehan secara elektronik sebanyak 0.4% bagi setiap nilai Pesanan Kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM4,800 bagi Pesanan Kerajaan yang melebihi RM1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah Sistem ePerolehan.

### **3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

### **4. BARANG-BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

### **5. PENYETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.
- (ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

### **6. PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

## **7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang (perkhidmatan) yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

## **8. PENOLAKAN**

- (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta penyebut harga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
- (iii) Fasa-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkiran kontrak.

## **9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

## **10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **11. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

## **BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

### **12. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

### **13. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

### **14. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

## **BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

### **15. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

### **16. MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ( RM )

### **17. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak membungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

## **II. KENYATAAN SEBUTHARGA**

**KENYATAAN SEBUTHARGA  
NO. SEBUTHARGA : IKN/SH/4/2014**

---

**1. PERIHAL**

Sebutharga ini dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan *eP-enabled* bagi Perkhidmatan Linen dan Pendobian Selama Empat (4) Bulan Bermula 16 Mac 2014 Sehingga 15 Julai 2014 di Institut Kanser Negara (IKN) Putrajaya.

**2. TARIKH SEBUTHARGA DIKELUARKAN**

25 Februari 2014 (Selasa)

**3. TARIKH SEBUTHARGA DITUTUP**

6 Mac 2014 (Khamis) pada atau sebelum jam 12.00 t/hari (**Secara Atas Talian dan Manual**)

**4. KELAYAKAN PENYEBUTHARGA**

Sebutharga ini dibuka kepada mana-mana syarikat yang mempunyai **kad pintar ePerolehan** dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang berikut:-

Tajuk	Kod Bidang
Perkhidmatan Domestik (Dobi)	222302

**5. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUTHARGA (MANUAL)**

Cadangan Kewangan dan Cadangan Teknikal yang telah lengkap diisi beserta Dokumen Sokongan hendaklah dimasukkan secara manual ke dalam peti sebutharga (**Peti No. 1**) di **Jabatan Perolehan, Aras 6, Institut Kanser Negara, No.4, Jalan P7, Presint 7, 62250 Putrajaya** sebelum atau pada jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup sebutharga iaitu **6 Mac 2014 (Khamis)**. Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama ada secara atas talian atau dihantar secara manual.



## 7. TAKLIMAT SEBUTHARGA

Sesi taklimat sebutharga pengendalian sistem ePerolehan akan diadakan pada ketentuan seperti berikut:

**Tarikh** : 27 Februari 2014 (Khamis)  
**Masa** : 2.30 petang  
**Tempat** : Bilik Mesyuarat Utama,  
Jabatan Pengurusan,  
Aras 6, Institut Kanser Negara,  
No.4, Jalan P7, Presint 7,  
62250 Putrajaya.

**Penyebutharga adalah diwajibkan untuk hadir ke sesi taklimat. Penyebutharga yang gagal menghadiri sesi taklimat tidak dibenarkan menyertai sebutharga.**

## 8. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung dengan masalah pengendalian sistem ePerolehan hendaklah menghubungi alamat di bawah:

**Commerce Dot Com Sdn. Bhd.**  
Second Floor, Bangunan Amtek  
15 Jalan Tandang  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03 7985 7777 (Bagi Pembekal) Fax : 03-7985 7800  
e-mail: [bantuan@ePerolehan.gov.my](mailto:bantuan@ePerolehan.gov.my)  
**Waktu Pejabat** : 9:00 pagi - 5:30 petang (Isnin hingga Jumaat)  
Sabtu & Ahad tutup

ATAU eP Shoppe di Kementerian Kewangan Malaysia :

**Kaunter Perkhidmatan ePerolehan**  
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan  
Tingkat Bawah, Blok Utara  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Precinct 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592 Putrajaya  
**Waktu Pejabat** : 7:30 pagi - 5:00 petang (Isnin hingga Jumaat)  
Sabtu & Ahad tutup

Semua pertanyaan teknikal hendaklah disalurkan kepada:-

**Bahagian Perolehan dan Pembangunan**  
**Jabatan Pengurusan**  
**Aras 6, Institut Kanser Negara**  
**No.4, Jalan P7, Presint 7**  
**62250 Putrajaya**

### **III. ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA**

**ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA  
NO. SEBUTHARGA : IKN/SH/4/2014**

---

**1. CADANGAN SEBUTHARGA**

Penyebutharga hanya dibenarkan menghantar SATU (1) jenis cadangan sahaja bagi sebutbarga yang ditawarkan.

**2. BORANG-BORANG YANG PERLU DIISI**

- (i) Lampiran Q**
- (ii) Lampiran C**
- (iii) Lampiran D**
- (iv) Lampiran E**
- (v) Lampiran F**

Harga keseluruhan termasuk 6% cukai perkhidmatan dan 0.4% fi perkhidmatan (ePerolehan) yang dicatitkan dalam borang **Lampiran D** mestilah sama jumlahnya dengan harga yang dimuat naik ke dalam sistem ePerolehan. Sekiranya terdapat perbezaan maklumat harga di antara LAMPIRAN D dan harga yang dikunci masuk (key in) pada Sistem ePerolehan maka maklumat di dalam Sistem ePerolehan akan digunakan

**3. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

Dokumen subutharga perlu dikemukakan melalui dua cara, iaitu :

**(i) Secara Online (Kunci Masuk dalam Sistem ePerolehan)**

Dokumen sebutbarga Cadangan Teknikal (**Lampiran E**) dan Cadangan Kewangan (**Lampiran D**) hendaklah dikunci masuk (key-in) ke dalam sistem ePerolehan

**(ii) Secara Manual dalam Peti Sebutbarga**

Dokumen-dokumen **wajib** yang perlu dihantar secara manual adalah :

### Cadangan Teknikal

Bil	Manual	Semak
1	Profail Syarikat	
2	Surat perakuan daripada Jabatan / Agensi yang Pernah Menjalankan Perkhidmatan	
3	Katalog / dokumen teknikal / Dokumen Sokongan yang Memenuhi Spesifikasi Perkhidmatan	
5	Lampiran C : Borang Maklumat Penyebutharga	
6	Lampiran E : Surat Akuan Penyebutharga	
7	Lampiran F : Senarai Semakan	

### Cadangan Kewangan

Bil	Manual	Semak
1	Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia /SSM	
2	Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan & Sijil Akuan Bumiputera-jika ada	
3	Salinan Penyata Bulanan Bank 3 Bulan Terakhir	
4	Lampiran Q	
5	Lampiran D : Jadual Tawaran Harga	

Nota : Maklumat sebutharga yang dikunci masuk dalam sistem ePerolehan hendaklah sama dengan maklumat yang dihantar secara manual ke dalam peti sebutharga. Sekiranya terdapat perbezaan maka maklumat di dalam Sistem ePerolehan akan digunakan

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan perlu disediakan dalam dua sampul surat yang berasingan dan kedua-dua sampul surat tersebut pula hendaklah dimasukkan dalam satu sampul surat yang lebih besar beserta dengan dokumen sokongan lain. Sila catat **TAJUK SEBUTHARGA, NOMBOR SEBUTHARGA dan NOMBOR CADANGAN (Cth: Y025127990113XXX)** disebelah kiri sampul surat dan diserahkan mengikut tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan. Sekiranya penyebutharga tidak mencatatkan nombor cadangan (Cth: Y025127990113XXX) penyebutharga tersebut tidak akan di pertimbangkan dan terus **DITOLAK**. Pihak Kerajaan berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima

#### **4. JANGKA MASA SAH LAKU SEBUTHARGA**

Sebutharga mestilah sah laku dalam jangka masa sekurang-kurangnya **sembilan puluh (90) hari** daripada tarikh tutup sebutharga.

#### **5. KEPERLUAN DAN SPESIFIKASI**

Keperluan dan spesifikasi bagi perkhidmatan yang diperlukan dalam sebutharga ini adalah dinyatakan dalam Spesifikasi Sebutharga.

#### **6. PEMBERITAHUAN TAWARAN**

Kerajaan akan memberi notis bertulis dalam bentuk Surat Setuju Terima Sebutharga kepada penyebutharga yang berjaya apabila sebutharganya dipersetujui dalam jangka masa sah laku sebutharga atau jangka masa tambahan yang terlibat.

#### **7. HARGA**

Harga bagi semua perkara dan bidang kerja yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan hendaklah termasuk semua kos perkhidmatan. Harga ini mestilah tidak termasuk semua cukai duti kastam dan mestilah sah laku (*valid*) dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebutharga. Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos yang bersangkutan dengan Perkhidmatan Linen dan Pendobian.

Harga-harga yang ditawarkan dalam sebutharga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebutharga ini ditutup, dan akan berkuatkuasa selama tempoh sahlaku sebutharga. Kontraktor yang berjaya ditawarkan sebutharga ini hendaklah mematuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

#### **8. FI PERKHIDMATAN TRANSAKSI ePEROLEHAN**

Fi Perkhidmatan untuk transaksi melalui elektronik yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) akan dikenakan sebanyak **0.4%** bagi setiap nilai Pesanan Kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM4,800.00 bagi Pesanan Kerajaan yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.

#### **9. POLISI INSURANS**

Kontraktor dengan perbelanjaan sendiri dikehendaki mengambil polisi insuran bagi kenderaan yang disewakan dan lain-lain polisi yang difikirkan perlu dan diminta oleh Kerajaan.

## 10. JADUAL PEMBAYARAN

Kerajaan akan membuat pembayaran dalam Ringgit Malaysia (RM) kepada Penyebutharga secara bulanan sehingga tamat tempoh perkhidmatan.

## 11. KESIMPULAN

Penyebutharga adalah dinasihati berhati-hati di dalam penyediaan semua maklumat dan memastikan maklumat yang perlu diisi di semua lampiran adalah dipatuhi.

**Sila rujuk Lampiran G bagi sampel no Nombor Cadangan ID pembekal (Y025127020113XXXXXX) yang perlu dilekatkan pada sudut kiri sampul cadangan teknikal, harga dan sampul besar yang mengandungi kedua-dua cadangan teknikal dan harga yang perlu dihantar secara manual.**

## **IV. CADANGAN TEKNIKAL**

- (i) Lampiran A : Spesifikasi Teknikal
- (ii) Lampiran B : Senarai Linen
- (iii) Lampiran C : Maklumat Penyebutharga
- (iv) Lampiran E : Surat Akuan Penyebutharga
- (v) Lampiran F : Senarai Semakan

## **V. CADANGAN KEWANGAN**

- (I) Lampiran D (Jadual Harga)
- (II) Lampiran Q